



SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BILANGAN 21 TAHUN 1986

Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Semua Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Semua Ketua Badan Berkanun.

PERUBAHAN KEPADA SYARAT-SYARAT DAN ATURCARA PERMOHONAN PINJAMAN PERUMAHAN BAGI PERKHIDMATAN AWAM, PERKHIDMATAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

1. TUJUAN

1.1. Tujuan Surat Pekeliling Perbendaharaan ini ialah untuk mengubah syarat-syarat dan aturcara permohonan pinjaman perumahan bagi semua perkhidmatan kerajaan berkaitan dengan penentuan permohonan-permohonan yang tidak layak dipertimbangkan.

2. PERMOHONAN-PERMOHONAN YANG TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN

2.1. Mulai pada 25 Oktober 1986, permohonan-permohonan seperti di bawah ini tidak akan diberi pertimbangan:

2.1.1. Permohonan daripada pegawai atau kakitangan yang berumur kurang

daripada 33 tahun pada tarikh permohonan dibuat.

2.1.2. Permohonan pinjaman tambahan atau pinjaman bagi kali kedua untuk apa-apa jua tujuan.

2.1.3. Permohonan daripada pegawai atau kakitangan atau suami/isteri pegawai/kakitangan yang telah memiliki sebuah rumah kediaman, rumah kedai atau rumah pangsapuri/pangsapuri/kondominium sepenuhnya atau sebahagian daripadanya.

2.1.4. Permohonan daripada suami isteri yang kedua-duanya adalah pegawai atau kakitangan kerajaan yang dibuat secara berasingan sama ada kepada Perbendaharaan atau mana-mana agensi kerajaan atau Pihak Berkuasa Memberi Pinjaman yang lain dengan tujuan membeli atau membina dua buah rumah kediaman, rumah kedai atau rumah pangsapuri/pangsapuri/kondominium.

2.1.5. Permohonan daripada pegawai atau kakitangan yang ingin menyelesaikan hutang pinjaman atau baki hutang yang telah diambil daripada mana-mana institusi kewangan atau punca-punca lain.

3. KELAYAKAN PINJAMAN

3.1. Amaun pinjaman maksima bagi setiap kategori adalah dipinda. Kelayakan baru adalah seperti di dalam LAMPIRAN I kepada Surat Pekeliling ini dan berkuatkuasa mulai pada 25 Oktober 1986.

4. FAEDAH

4.1. Setiap pinjaman baru dan yang sedia ada akan dikenakan faedah dikira atas baki tiap-tiap bulan mulai pada 1 Januari 1987 seperti berikut:-

4.1.1. Kumpulan A & B atau setaraf - 6% setahun.

4.1.2. Kumpulan C atau setaraf - 5% setahun.

4.1.3. Kumpulan D atau setaraf - 4% setahun.

4.1.4. Pesara selain daripada mereka dalam Kumpulan D atau setaraf - 5% setahun.

4.1.5. Pesara dari Kumpulan D atau setaraf - 4% setahun.

4.1.6. Anggota-anggota Pentadbiran Persekutuan dan Negeri-negeri, Ahli Kedua-dua Dewan Parlimen dan Dewan Perundangan Negeri dan Para Hakim. - 6% setahun.

4.2. Jadual bayaran balik bulanan di atas kadar-kadar faedah yang dimaksudkan di para 4.1. di atas adalah seperti di dalam LAMPIRAN II kepada Surat Pekeliling ini.

5. HARTA YANG BELUM ADA HAKMILIK BERASINGAN

5.1. Semua permohonan pinjaman perumahan untuk membeli harta yang tidak mempunyai hakmilik berasingan atau membina rumah di atas tanah jenis ini tidak akan diterima. Syarat ini akan dikuatkuasakan mulai pada 1 Julai 1987. Walau bagaimanapun, syarat ini tidak dikenakan kepada permohonan yang membeli rumah pangsa/pangsapuri/kondominium yang sedang dibina.

6. PERMOHONAN YANG LAYAK DIBERIKAN PERTIMBANGAN

6.1. Permohonan seperti berikut boleh diberi pertimbangan:

6.1.1. Permohonan bersama suami isteri untuk membeli satu harta sahaja secara berkongsi jika mereka mematuhi semua syarat dan peraturan yang sedia ada. Di dalam kes ini salah satu pihak mesti menggunakan kesemua kelayakan pinjamannya. Walau bagaimanapun, sekiranya hanya seorang daripada mereka itu telah berumur tidak kurang daripada 33 tahun, suami atau isteri yang telah mencapai umur tersebut mesti menggunakan kesemua kelayakan pinjamannya.

6.1.2 Mereka yang akan bersara dalam tempoh tidak lebih daripada enam bulan pada tahun atau selepas tarikh permohonan diterima, adalah dikecualikan daripada dikenakan syarat-syarat seperti di para 2.1.1 hingga 2.1.5 di atas. Walau bagaimanapun pengecualian bagi para 2.1.5 hanya dikhaskan untuk permohonan bertujuan menyelesaikan baki hutang pinjaman perumahan yang telah diambil daripada mana-mana institusi kewangan atau punca-punca lain.

6.1.3 Mereka yang telah membayar wang pertaruhan dan terikat dengan satu perjanjian jual beli harta atau perjanjian membina rumah yang telah distemkan pada atau sebelum 24 Oktober 1986 dengan syarat-syarat berikut:-

6.1.3.1 Borang permohonan pinjaman perumahan mereka diterima oleh Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan atau Agensi Pemberi Pinjaman tidak lewat daripada 31 Disember 1986.

6.1.3.2 Pada atau sebelum 24 Oktober 1986 mereka sudahpun berkelayakan menikmati kemudahan pinjaman perumahan kerajaan.

6.1.3.3 Mereka adalah tertakluk kepada apa-apa syarat dan peraturan yang akan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

7. PENGECUALIAN

7.1. Syarat-syarat seperti di para 2.1.1 di atas tidak dikenakan kepada mereka yang berkhidmat di dalam Kumpulan D yang membeli atau membina Rumah Kos Rendah. Pengecualian ini juga diberi kepada Anggota Tentera Malaysia yang berpangkat Koperal dan ke bawah dan Anggota Pasukan Polis DiRaja Malaysia yang berpangkat Koperal dan ke bawah yang membeli atau membina Rumah Kos Rendah. Bagi maksud ini Rumah Kos Rendah bermakna rumah yang berharga tidak melebihi \$25,000.00 atau harganya ditetapkan oleh pihak berkuasa dari masa ke semasa.

8. MAKLUMAT TAMBAHAN

8.1. Bagi memastikan permohonan-permohonan selain daripada permohonan dari golongan-golongan pegawai atau kakitangan seperti yang disebutkan di para 2 di atas itu diberikan pertimbangan, maklumat-maklumat tambahan seperti di bawah ini perlulah disertakan bersama-sama borang permohonan. Maklumat-maklumat tersebut ialah:

8.1.1. Borang Akuan seperti di dalam LAMPIRAN III kepada Surat Pekeliling ini hendaklah disempurnakan sepenuhnya bagi memastikan pematuhan syarat di para 2.1.3.

8.1.2. Pengesahan bertulis daripada Ketua Jabatan seperti di dalam LAMPIRAN IV kepada Surat Pekeliling ini.

9. KUASA PEMBERIAN KELULUSAN KHAS

9.1. Memandangkan kepada keadaan yang berbeza-beza berhubung dengan cara pembelian sesuatu harta, Ketua Setiausaha Perbendaharaan adalah berkuasa

untuk menimbangkan satu-satu permohonan pinjaman secara khas sekiranya peraturan-peraturan yang terdapat di dalam Surat Pekeliling ini tidak dapat dikenakan ke atasnya bergantung kepada merit satu-satu kes.

10. PENGAMBILANALIH PINJAMAN PERUMAHAN

10.1. Sebagaimana pengisytiharaan oleh Kerajaan pada tahun 1980, Kerajaan Pusat telah atau sedang mengambilalih Skim Pinjaman Perumahan yang dikendalikan oleh beberapa buah kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun Persekutuan, Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini, selain daripada skim yang telah diambilalih dengan sepenuhnya atau sedang diambilalih, badan-badan yang belum menyerahkan skim masing-masing kepada Perbendaharaan adalah dinasihatkan untuk menangguhkan pemindahan skim mereka sehingga diberitahu kelak. Walau bagaimanapun, Badan-badan Berkanun dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang menjalankan skim masing-masing dengan pinjaman daripada Tabung Kumpulan wang Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan, adalah dikecualikan. Badan-badan ini bolehlah meneruskan pemindahan skim mereka kepada Kerajaan Pusat.

11. TARIKH KUATKUASA

11.1 Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada 25 Oktober 1986 kecuali syarat-syarat di mana tarikh lain ditetapkan.

12. PEMAKAIAN

12.1 Surat Pekiling ini hendaklah digunakan oleh semua kakitangan kerajaan di dalam perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri, Anggota-anggota Pentadbiran Persekutuan dan Negeri-negeri, Ahli Kedua-dua Dewan Parlimen dan Dewan Perundangan Negeri dan semua kakitangan di dalam

perkhidmatan Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri-negeri dan Kuasa-kuasa Tempatan, termasuk Anggota Angkatan Tentera Malaysia dan Anggota Pasukan Polis DiRaja Malaysia dan Para Hakim.

13. SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN ASAL DI DALAM LAIN-LAIN PEKELILING DAN SURAT-SURAT PEKELILING MENGENAI PINJAMAN PERUMAHAN

13.1 Syarat-syarat dan peraturan-peraturan selain daripada yang dipinda dalam Surat Pekeliling ini adalah tidak berubah.

14. PEMANSUHAN

14.1 Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 22 Tahun 1982 dan Bilangan 9 Tahun 1984 adalah dengan ini dimansuhkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(GILBERT FERNANDEZ)

Setiausaha,

Bahagian Pinjaman Perumahan,

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

LAMPIRAN I

KELAYAKAN PINJAMAN PERUMARAN BAGI ANGGOTA-ANGGOTA PENTADBIRAN, PERKHIDMATAN AWAN AM, PERKHIDMATAN ANGKATAN TENTERA DAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA DAN PARA HAKIM

Pinjaman Maksima yang boleh didapati oleh seseorang pemohon mengikut kelayakannya adalah seperti berikut:-

1. ANGGOTA PENTADBIRAN PERSEKUTUAN KELAYAKAN MAKSIMA

- 1.1. Perdana Menteri \$350,000.00
- 1.2. Timbalan Perdana Menteri \$350,000.00
- 1.3. Menteri \$250,000.00
- 1.4. Timbalan Menteri \$155,000.00
- 1.5. Setiausaha-Setiausaha Parlimen \$130,000.00
- 1.6. Setiausaha-Setiausaha Politik \$ 70,000.00

2. AHLI-AHLI PARLIMEN

- 2.1. Yang Di Pertua Dewan Negara/Yang Di Pertua Dewan Rakyat \$155,000.00
- 2.2. Timbalan Yang Di Pertua Dewan Negara/Timbalan Yang Di Pertua Dewan Rakyat \$130,000.00
- 2.3. Senator dan Ahli Dewan Rakyat \$ 60,000.00

3. ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI DAN AHLI DEWAN PERUNDANGAN NEGERI

- 3.1. Menteri Besar/Ketua Menteri \$250,000.00

- 3.2. Timbalan Menteri Besar/Timbalan Ketua Menteri \$130,000.00
- 3.3. Ahli Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan Negeri \$ 80,000.00
- 3.4. Yang Di Pertua Dewan Perundangan Negeri \$ 60,000.00
- 3.5. Timbalan Yang Di Pertua Dewan Perundangan Negeri \$ 60,000.00
- 3.6. Ahli Dewan Perundangan Negeri \$ 60,000.00

4. HAKIM-HAKIM MAHKAMAH

- 4.1. Hakim-hakim Mahkamah Agong, Mahkamah Persekutuan Dan Mahkamah Tinggi \$155,000.00

5. PERKHIDMATAN AWAM AM KELAYAKAN MAKSIMA

5.1. BAHAGIAN `I'

- 5.1.1. Tingkatan Tertinggi `A' dan ke atas \$155,000.00
- 5.1.2. Tingkatan Tertinggi `G' hingga Tingkatan Tertinggi `B' \$150,000.00
- 5.1.3. Tingkatan Biasa hingga Tingkatan Kanan \$110,000.00

5.2. BAHAGIAN `II' DAN `III' \$ 70,000.00

5.3. BAHAGIAN `IV' \$ 30,000.00

6. PASUKAN POLIS DI RAJA MALAYSIA

- 6.1. Ketua Polis Negara \$155,000.00
- 6.2. Penolong Pesuruhjaya Polis hingga Timbalan Ketua Polis Negara \$150,000.00
- 6.3. Penolong Penguasa Polis hingga Penguasa Polis \$110,000.00
- 6.4. Sarjan hingga Ketua Inspektor \$ 70,000.00
- 6.5. Anggota Pasukan Polis Di Raja Malaysia Yang Berpangkat Konstabal hingga Koprak sila lihat para 8

7. ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

PANGKAT KELAYAKAN MAKSIMA

Tentera Tentera Tentera

Bil. Darat Laut Di Raja Udara Di Raja

Malaysia Malaysia

7.1. Jeneral Laksamana ke Jeneral (Udara) \$155,000

ke atas atas ke atas

7.2. Kolonel Kapten hingga Kolonel (udara)

hingga Laksamana hingga Leftenan \$150,000

Leftenan Madya Jeneral

Jeneral (udara)

7.3. Kapten Leftenan Kapten (udara)

hingga hingga hingga \$110,000

Leftenan Komander Leftenan

Kolonel Kolonel(udara)

7.4. Sarjen Bentara Muda Sarjen (udara)

hingga hingga hingga \$ 70,000

Leftenan Leftenan Madya Leftenan (udara)

7.5. Prebet Laskar Muda Ahli Udara

hingga hingga Laskar hingga Koprak sila lihat

koprak Kanan (udara) para 8

8. LAIN-LAIN ANGGOTA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DAN

ANGGOTA PASUKAN POLIS DI RAJA MALAYSIA

- 8.1. Tentera Darat - Berpangkat Prebet hingga Kopral.
- 8.2. Tentera Laut Di Raja Malaysia - Berpangkat Laskar Muda hingga Laskar Kanan.
- 8.3. Tentera Udara Di Raja Malaysia - Berpangkat Ahli Udara hingga Kopral (Udara).
- 8.4. Anggota Pasukan Polis Di Raja - Berpangkat Konstabal Malaysia hingga Kopral.

JUMLAH LINGKUNGAN PINJAMAN PERUMAHAN

Gaji Sebulan Jumlah Pinjaman

Bil. (Tidak Termasuk Elaun) Perumahan Maksima

1. \$ 465.00 ke bawah \$ 30,000.00
2. \$ 480.00 - \$ 490.00 \$ 31,000.00
3. \$ 495.00 - \$ 510.00 \$ 32,000.00
4. \$ 515.00 - \$ 530.00 \$ 33,000.00
5. \$ 535.00 - \$ 545.00 \$ 34,000.00
6. \$ 550.00 - \$ 560.00 \$ 35,000.00
7. \$ 565.00 - \$ 575.00 \$ 36,000.00
8. \$ 580.00 - \$ 590.00 \$ 37,000.00
9. \$ 595.00 - \$ 605.00 \$ 38,000.00
10. \$ 610.00 - \$ 625.00 \$ 39,000.00
11. \$ 630.00 - \$ 640.00 \$ 40,000.00
12. \$ 645.00 - \$ 655.00 \$ 41,000.00
13. \$ 660.00 - \$ 670.00 \$ 42,000.00
14. \$ 675.00 - \$ 685.00 \$ 43,000.00
15. \$ 690.00 - \$ 700.00 \$ 44,000.00

16. \$ 705.00 - \$ 720.00 \$ 45,000.00

17. \$ 725.00 - \$ 735.00 \$ 46,000.00

18. \$ 740.00 - \$ 750.00 \$ 47,000.00

LAMPIRAN II

JADUAL BAYARAN BALIK BULANAN PINJAMAN ATAS FAEDAH (4%, 5% DAN 6%) - PANDUAN KASAR SAHAJA

Bayaran balik bulanan bagi tiap-tiap

Tempoh Pinjaman 1,000 Ringgit

Tahunan

4% 5% 6%

(\$) (\$) (\$)

1 85.15 85.61 86.07

2 43.42 43.87 44.32

3 29.52 29.97 30.42

4 22.58 23.03 23.49

5 18.42 18.87 19.33

6 15.65 16.10 16.57

7 13.67 14.13 14.61

8 12.19 12.66 13.14

9 11.04 11.52 12.01

10 10.12 10.61 11.10

11 9.38 9.86 10.37

12 8.76 9.25 9.76

13 8.23 8.73 9.25

14 7.78 8.29 8.81

15 7.40 7.91 8.44

16 7.06 7.58 8.11

17 6.76 7.29 7.83
18 6.50 7.03 7.58
19 6.27 6.80 7.36
20 6.06 6.60 7.16
21 5.87 6.42 6.99
22 5.70 6.25 6.83
23 5.55 6.10 6.69
24 5.41 5.97 6.56
25 5.28 5.85 6.44

LAMPIRAN III

BORANG AKUAN

1. SayaNo. Kad

Pengenalan..... sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pada tarikh saya membuat permohonan pinjaman perumahan dari kerajaan bagi membolehkan saya membeli harta yang disebutkan di dalam borang permohonan saya, saya atau/dan *suami/isteri.....

No. Kad Pengenalan..... tidak memiliki sebarang rumah kediaman/ rumah kedai/rumah pangsa/pangsapuri/kondominium di atas nama: -

1.1. Saya seorang sahaja 1.4. Saya dan orang-orang lain.

1.2. *Suami/isteri saya sahaja 1.5. *Suami/isteri saya dan orang-orang lain.

1.3. Saya dan *suami/isteri 1.6. Saya dan *suami/isteri saya dan saya sahaja orang lain.

2. Sebelum saya membuat sumpah ini saya atau *suami/isteri saya: -

*2.1. pernah memiliki rumah kediaman/rumah kedai/rumah pangsa/pangsapuri/kondominium dan telahpun **dijual/pindahmilik/diserahkan

pada

*2.2. Tidak pernah memiliki rumah kediaman/rumah kedai/rumah pangsapuri/kondominium.

3. Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun Tahun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas No. K/P:.....

(Tandatangan Orang Yang Membuat Akuan)

di.....

di Negeri

pada jam..... Haribulan

Di hadapan saya,

.....

(Tandatangan Yang Di Pertua

Mahkamah Sesyen, Majisteret

atau Pesuruhjaya Sumpah)

* Potong mana yang tidak sesuai

** Hanya pendaftaran pindahmilik rasmi (bagi harta yang mempunyai hakmilik berasingan) dan serahakan rasmi (bagi harta yang tidak mempunyai hakmilik berasingan) diterima bagi maksud Akuan ini.

LAMPIRAN IV

PENGESAHAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN/KETUA JABATAN

Butir-butir Peribadi Pemohon

1. Nama Pemohon:
2. No. Kad Pengenalan 3. No. Ahli KWSP:
4. Jawatan:
5. Tarikh Lahir: 6. Umur:..... Tahun..... Bulan
- 7 Tarikh Perlantikan:
8. Tarikh Pengesahan Dalam Jawatan:
9. Bahagian Perkhidmatan (I/II/III/IV):
10. Kumpulan Perkhidmatan (A/B/C/D):
11. Gaji Hakiki: 12. Kod Gaji:
13. Taraf Perkahwinan (Bujang/Beristeri/Bersuami):
14. Nama Suami/Isteri:
15. No. Kad Pengenalan Suami/Isteri:
16. Sama ada pernah mengambil pinjaman perumahan)
Di bawah Skim Pinjaman Perumahan bagi)
kakitangan kerajaan (Jika pernah, sila)
beritahu nombor rujukan fail/kelulusan dan)
sebagainya).)
17. Alamat Surat Menyurat Pemohon Termasuk Poskod:
.....
.....
.....
18. Lain-lain maklumat (Jika ada):

Tarikh:.....

Tandatangan & Nama Ketua
Setusaha Kementerian/Ketua

Jabatan atau Pegawai Yang
Dikuasakan serta Cop Rasmi